

Kampuchea: Peranan Perancis

Lee: Antara Asean tiada perselisihan

PARIS, Rabu — Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Kuan Yew, berkata semalam negaranya serta lain-lain negara anggota Asean mahukan Perancis memainkan peranan yang lebih besar dalam menyelesaikan masalah Kampuchea.

Encik Lee, singgah sebentar di sini, dalam perjalanan ke London untuk menghadiri perkahwinan Putera Charles dengan Lady Diana, memberitahu demikain selepas pertemuan dengan Menteri Luar Perancis, Claude Cheysson. Sebelum itu Encik Lee mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Perancis Pierre Mauroy.

Perdana Menteri Singapura itu berkata, negara-negara Asean telah meminta Perancis menjadi ahli Jawatankuasa Perundingan yang ditubuhkan selepas sidang antarabangsa mengenai Kampuchea pada 13 hingga 17 Julai di Bangsa-bangsa Bersatu.

"Perancis belum lagi menerima cadangan itu," kata Encik Lee. "Tetapi ia juga tidak menolak cadangan itu."

Encik Lee berkata beliau dan Encik Cheysson juga membincangkan kemungkinan yang boleh diberi dari dialog Utara-Selatan yang menurut kerajaan sosialis itu akan diperluas.

Perjanjian

Pemimpin Singapura itu menafikan adanya perselisihan faham yang besar antara negara-negara Asean di mana Negeri Thai dan Singapura menentang Malaysia, Indonesia dan Filipina mengenai isu-isu seperti dialog dengan Negeri China dan hubungan dengan Soviet Russia.

Selepas berunding dengan Encik Mauroy, seorang jurucakap mengumumkan Kerajaan Perancis dan Singapura akan menandatangani perjanjian mengenai kerjasama teknikal, kewangan dan kebudayaan.

Perdagangan antara kedua negara meningkat tiga kali ganda dalam masa lima tahun.

Encik Lee akan menemui Presiden Francois Mitterand di London di mana pemimpin Perancis itu juga akan menghadiri perkahwinan diraja England. — AP.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia